

02 APR 1997

Zahid - Vendor

PEMUDA UMNO KESAL RUANG USAHAWAN SERTA SKIM VENDOR TERHAD

MELAKA, 2 April (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno kecewa dengan sesetengah syarikat multi-nasional (MNC) yang beroperasi di negara ini kerana masih belum membuka peluang kepada usahawan tempatan menjadi vendor.

"Walaupun ada MNC yang mempunyai iltizam membantu usahawan-usahawan tempatan...ia masih bawah tahap kepuasan hati kami," kata ketuanya Datuk Ahmad Zahid Hamidi di sini, malam tadi.

Beliau berkata Pemuda Umno menghargai pelaburan mereka tetapi dalam masa yang sama berharap syarikat-syarikat itu turut menjalankan tanggungjawab membantu usahawan tempatan.

"Masih banyak ruang untuk peningkatan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perjumpaan Hati ke Hati bersama pemimpin Pemuda Umno Melaka di sini.

Beliau berkata skim vendor di Taiwan telah berjaya kerana usahawan negara itu diberi sokongan dan peluang oleh MNC yang membuat pelaburan.

"Jika boleh berlaku di Taiwan...tak mustahil mereka beri peluang kepada usahawan kelas pertengahan kita".

Menurutnya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi peluang yang banyak kepada MNC Jepun, Korea Selatan dan Taiwan menerusi dasar terbuka kerajaan dan mereka pula harus membantu kerajaan dengan dasarnya untuk membangunkan industri pertengahan.

"MNC dari Jepun sebagai contohnya banyak memberi peluang kepada syarikat dari Jepun sendiri menjadi vendor...munasabah jika mereka bantu syarikat tempatan," katanya.

Beliau juga berkata Pemuda Umno dalam usaha melatih usahawan muda supaya lebih berketerampilan akan menganjurkan satu seminar kebangsaan bertema "Pengwujudan Usahawan Muda Kelas Pertengahan" tidak lama lagi.

Seminar itu akan menjadi asas kepada usaha melahirkan usahawan yang terlatih, berkemahiran dan profesional bagi menyahut usaha menggalakkan perkembangan usahawan kelas pertengahan. --BERNAMA

MOZ OBA